

**Pengamal PR Islam Disaran Tegak Kebenaran Berhubung Islam  
Bernama  
06 Disember, 2011**

KUALA LUMPUR, 6 Dis (Bernama) -- Pengamal perhubungan awam (PR) Islam disaran supaya menegakkan kebenaran berhubung Islam semasa menyampaikan maklumat kepada orang ramai.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Mukhriz Tun Mahathir berkata mereka perlu memainkan peranan dengan membetulkan atau menolak persepsi salah berhubung Islam.

"Prejudis, faham perkauman dan Islamphobia merupakan ekspresi yang ketara yang tidak mudah dibuang, maka perhubungan awam yang berkesan merupakan salah satu cara untuk menangani masalah ini dan menegakkan kebenaran," katanya dalam ucapan pada Kongres Global bagi Pengamal Perhubungan Awam Islam yang pertama, di sini.

Ucapan beliau disampaikan oleh Penasihat Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Nik Zainiah Nik Abdul Rahman.

Kongres selama tiga hari yang dihadiri lebih 200 perwakilan dianjurkan oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Kargozar PR Institute yang berpangkalan di Tehran.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=632126>